BH
Berita Harian

HARI : SABTU
TARIKH : 20/6/2020
M/SURAT : 5

# RON97, RON95 naik 3 sen

**Kuala Lumpur:** Harga bagi setiap liter RON97 dan RON95 naik tiga sen, manakala diesel pula naik empat sen bagi tempoh 20 hingga 26 Jun ini.

Kementerian Kewangan berkata, berdasarkan penetapan harga runcit mingguan produk petroleum menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik, harga baharu seliter bagi RON97 ialah RM1.89, RON95 (RM1.59) dan diesel RM1.77.

Kenaikan harga terbabit dipengaruhi harga minyak diproses yang semakin meningkat selari dengan kenaikan harga minyak mentah dunia.

Kementerian Kewangan terus memantau impak perubahan harga minyak mentah dunia dan mengambil langkah perlu memastikan kebajikan serta kesejahteraan rakyat terjaga.

